

Bahagian Pusaka Wanita: Satu Komentaar

Fatimah Ali

Abstract

The coming of Islam through Prophet Muhammad (s.'a.w.) has changed the values of the society especially those related to the distribution of estates to female descendants of the deceased. The article attempts to uncover the rationals of the situation and to express its virtues

Kedatangan Islam telah mengubah nilai-nilai yang berlaku di dalam masyarakat. Wanita yang sebelumnya dianggap sebagai separuh manusia oleh masyarakat Yunani,¹ dianggap najis dan dikutuk Tuhan oleh masyarakat Yahudi dan Kristian² dan dianggap sial oleh masyarakat Arab Jahiliah³ serta hidup tanpa apa-apa hak dalam masyarakat tersebut, telah mendapat pembelaan yang sewajarnya. Mereka telah diberikan berbagai hak, sesuai dengan peranan dan tanggungjawab yang dikenakan ke atas mereka di dalam rumah tangga dan masyarakat.

Dengan kebangkitan Nabi Muhammad s.'a.w. nasib kaum wanita terbela. Hak-hak mereka di dalam rumah tangga dan masyarakat dijelaskan secara terperinci.

Di antara hak yang telah dikurniakan oleh Islam kepada wanita ialah hak menerima pesaka. Wanita dapat menikmati hak tersebut setelah kebangkitan Nabi Muhammad (s. 'a.w).

Nabi Muhammad (s. 'a.w.) telah menjelaskan kepada masyarakat, bahawa Islam tidak bersetuju dengan amalan-amalan yang dilakukan oleh berbagai masyarakat sebelum kedatangan Islam, yang meniadakan hak-hak wanita dalam mewarisi harta pesaka keluarga mereka.⁴ Islam memberi hak kepada wanita untuk mewarisi harta peninggalan atau harta pesaka ibu bapa mereka, suami-suami dan adik beradik mereka.

Di dalam surah *al-Nisa'* ayat 11, Allah menjelaskan kadar harta pesaka yang diperolehi oleh anak-anak dan ibu bapa. Maksud ayat tersebut ialah:

"Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pesaka) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih daripada seorang, maka bahagian mereka ialah 2/3 daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah 1/2 (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa si mati, tiap-tiap seorang daripada keduanya (mendapat) 1/6 daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati, tetapi jika si mati tidak mempunyai anak sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah 1/3. Kalau si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik beradik), maka bahagian ibunya ialah 1/6."

Daripada nas tersebut dapat difahami:

- (1) Bahagian yang diperolehi oleh anak perempuan daripada harta pesaka adalah sama dengan separuh bahagian anak lelaki.
- (2) Bahagian yang diperolehi oleh ibu si mati juga sama dengan separuh bahagian bapa si mati, jika si mati tidak mempunyai anak. Jika si mati mempunyai anak, ibu mendapat bahagian yang sama dengan bapa.
- (3) Anak-anak perempuan si mati berhak mendapat dua pertiga daripada harta pesaka si mati, untuk dibahagikan sama banyak antara mereka, jika si mati tidak meninggalkan anak lelaki.
- (4) Seorang anak perempuan tunggal si mati berhak mendapat separuh daripada harta pesaka si mati, jika si mati tidak mempunyai anak lelaki. Dia tidak berhak untuk menyapu bersih harta pesaka ibubapanya walau pun dia adalah anak tunggal.

Bahagian-bahagian anak perempuan dalam nombor 3 dan 4 berbeza dengan bahagian anak lelaki, jika si mati meninggalkan anak lelaki sahaja, sama ada seorang atau lebih; di mana anak lelaki dapat menyapu bersih harta pesaka ibu bapanya, setelah ditolak bahagian waris-waris yang menerima pesaka secara *fard*⁵. Ini adalah kerana anak lelaki adalah penerima '*asabah*'⁶. Maksud penerima '*asabah*' ialah mereka yang berhak mendapat semua harta pesaka jika tidak ada orang lain yang

berhak mendapat bahagian atau *fard* dalam harta pesaka.⁷

Di dalam surah *al-Nisa'* ayat 12 pula, Allah menjelaskan bahagian yang diperolehi oleh suami jika isterinya meninggal dunia dan bahagian-bahagian saudara-saudara (adik-beradik) seibu si-mati.

Ayat tersebut bermaksud:

"Dan bagi kamu 1/2 daripada harta yang ditinggalkan oleh isteri-steri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh 1/4 daripada harta yang mereka tinggalkan sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayar hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula 1/4 daripada harta pesaka yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak, maka bagi mereka (isteri-isteri kamu) ialah 1/8 daripada harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan dan sesudah dibayar hutang kamu. Dan jika si mati yang diwarisi itu lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ia ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu), maka bagi tiap-tiap seorang daripada keduanya ialah 1/6. Kalau mereka (saudara-saudara seibu) lebih dari seorang, maka mereka berkongsi pada 1/3 (dengan mendapat sama banyak lelaki dan perempuan)".

Daripada nas tersebut dapat difahami:

- (1) Bahagian yang diperolehi oleh isteri daripada harta pusaka suaminya, sama dengan separuh bahagian yang diperolehi oleh suami daripada harta pesaka isterinya.
- (2) Bahagian yang diperolehi oleh ibu si mati sama dengan separuh bahagian yang diperolehi oleh bapa si mati, jika si mati (anak mereka) tidak mempunyai anak.
- (3) Bahagian ibu si mati ialah 1/6 ketika bersama beberapa orang saudara (adik beradik) si mati dan ketiadaan bapa si mati⁸. Hal tersebut berbeza dengan bapa si mati yang mendapat semua harta pesaka si mati, ketika ketiadaan ibu si mati; kerana bapa si mati adalah penerima *'asabah nasabiyyah*⁹ dan boleh mendinding (*hajib hirman*) saudara-saudara (adik-beradik) si mati¹⁰.
- (4) Bahagian yang diperolehi oleh saudara perempuan seibu sama sahaja dengan bahagian saudara lelaki seibu, jika si mati tidak meninggalkan anak atau bapa sama ada ketika berseorangan atau terdiri daripada beberapa orang.

Manakala didalam surah *al-Nisa'* ayat 176 pula dijelaskan bahagian-bahagian yang diperolehi oleh saudara-saudara si mati, ketika si mati tidak meninggalkan anak.

Maksud ayat tersebut ialah:

“...Jika si mati tidak mempunyai anak dan dia mempunyai saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu $1/2$ daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati, dan dia (saudara lelaki) itu pula mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau saudara perempuan itu dua orang, maka mereka mendapat $2/3$ daripada harta pesaka yang ditinggalkan oleh si mati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudara) itu ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan”.

Dari nas tersebut dapat difahami bahagian-bahagian adik-beradik si mati ketika si mati tidak meninggalkan anak dan bapa si mati, seperti berikut:

- (1) Bahagian saudara perempuan si mati jika dia berseorangan ialah $1/2$ daripada harta pesaka, berbeza dengan saudara lelaki, jika dia berseorangan dia berhak mendapat semua harta pesaka si mati, setelah ditolak bahagian suami (jika si mati perempuan dan meninggalkan suami) atau bahagian isteri (jika si mati lelaki dan meninggalkan isteri); kerana suami atau isteri si mati termasuk di dalam golongan mereka yang tidak terkena dindingan¹¹. Saudara lelaki mendapat baki semua harta pesaka; kerana dia adalah penerima 'asabah¹², ketika ketiadaan anak lelaki si mati atau bapanya yang boleh melindungi saudara lelaki daripada menerima pesaka¹³.
- (2) Bahagian dua orang saudara perempuan si mati ialah $2/3$. Mereka tidak dapat menyapu bersih harta peninggalan si mati, berbeza dengan saudara-saudara lelaki si mati yang berhak mendapat semua harta pesaka si mati, setelah ditolak bahagian ibu si mati, suami atau isteri si mati (jika mereka itu masih hidup); kerana saudara-saudara si mati adalah penerima-penerima 'asabah¹⁴.

Inilah contoh-contoh bahagian atau kadar harta pesaka yang diperolehi oleh anggota keluarga si mati. Dalam bahagian-bahagian tersebut, didapati terdapat perbezaan di antara bahagian yang diperolehi oleh waris-waris perempuan dan waris-waris lelaki si mati; di mana bahagian yang diperolehi oleh waris-waris perempuan si mati kurang daripada bahagian yang diperolehi oleh waris-waris lelaki si mati, kecuali antara bahagian-bahagian ibu dan ayah si mati ketika si mati mempunyai anak dan bahagian-bahagian yang diperolehi oleh adik-beradik lelaki dan perempuan seibu si mati.

Di dalam membuat perbandingan antara bahagian-bahagian tersebut, penulis merujuk juga kepada buku-buku lain, kerana al-Quran menjelaskan kadar-kadar tersebut secara ringkas sahaja. Daripada perbandingan yang dibuat menunjukkan jumlah yang didapati oleh waris-waris perempuan si mati ialah $1/3$ daripada jumlah keseluruhan harta pesaka. Manakala bakinya iaitu $2/3$ lagi diperolehi oleh waris-waris lelaki si mati.

Perkara tersebut mungkin disebabkan oleh kewajipan-kewajipan yang

berhubung dengan perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan keatas lelaki. Sebagai suami umpamanya, mereka diwajibkan membayar mas kahwin dan menanggung nafkah hidup isterinya, sebagai bapa pula, mereka diwajibkan menanggung nafkah anak-anak.

Ahmad Zaki Tuffahah memberi penjelasan mengenai hikmat perbezaan kadar habuan tersebut. Beliau menjelaskan, apabila hak perempuan kurang daripada hak lelaki, maka perempuan mendapat habuan yang lain; di mana nafkah atau perbelanjaan hidup mereka dipertanggungjawabkan ke atas bahu lelaki.

Islam memperuntukkan kepada wanita separuh daripada bahagian lelaki; kerana perempuan tidak diwajibkan menanggung sara hidup diri dan keluarganya. Harta pesaka yang mereka dapat mereka boleh menyimpannya jika mereka hidup di rumah bapa atau di rumah suami, kerana mereka dibiayai oleh bapa atau suami mereka.¹⁵

Oleh kerana lelaki menanggung nafkah perempuan, maka bahagian yang diperolehi oleh perempuan boleh disimpan. Perempuan membelanjakan hak lelaki yang berjumlah dua pertiga itu bersama lelaki dengan pembahagian yang sama banyak dalam perbelanjaan hidup mereka. Oleh itu jumlah dua pertiga yang diperolehi oleh lelaki itu sebenarnya satu pertiga daripadanya bahagian perempuan dan satu pertiga sahaja bahagian lelaki. Jadi perempuan sebenarnya membelanjakan dua pertiga daripada harta kekayaan alam. Manakala lelaki pula hanya menggunakan satu pertiga sahaja daripada kekayaan tersebut. Dengan demikian lelaki cuma menjadi pentadbir dan pengurus kepada harta kekayaan berkenaan.

Oleh itu, kritik-kritik yang dilemparkan terhadap Islam, dengan mengatakan Islam tidak adil; kerana mengurangkan bahagian perempuan dalam pembahagian harta pesaka, terbukti tidak tepat. Kalau undang-undang pembahagian harta pesaka dan kewajipan memberi nafkah kepada isteri-isteri dan anak-anak, sebagaimana yang dituntut oleh Islam benar-benar direalisasikan, penganiayaan terhadap wanita akan dapat dibenteras.

Nota Kaki

1. K.H. Munawwar Khalil, *Nilai Wanita*, Semarang, Ramadhani, t.t., hal. 32.
2. *Ibid.*
3. Dr. Yusuf al-Qaradhawi, *Iman dan Kehidupan*, terj. Fachruddin S. H., Shah Alam, Dewan Pustaka Fajar, t.t., hh. 239.
4. Pada umumnya semua masyarakat yang hidup sebelum kedatangan Islam meniadakan hak memiliki dan membelanjakan harta pada wani ta; begitu juga hak mendapat pesaka. Cuma masyarakat Yahudi membenarkan wanita mewarisi harta pesaka ibu bapa mereka, jika

ibu bapa mereka tidak meninggalkan anak lelaki. Tetapi kebenaran tersebut tidak bererti; kerana wanita itu sendiri diwarisi bersama hartanya, selepas kematian suami atau walinya.

5. Al-Sayyed Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Maktabah al-Muslim, t.t., 3:437. Waris-waris yang menerima fard ialah mereka yang ditentukan oleh syarak menerima bahagian-tertentu daripada harta pesaka (Dr. Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 1985, 8:290). Maksud penerima pesakasecara fard di sini ialah bapa atau ibu si mati dan suami atau isteri si mati, kerana mereka ini antara penerima pesakayang tidak dapat didindingi (al-Zuhaili, *op. cit.*, 8: 349).
6. Al-Sayyid Sabiq, *op.cit.* , 3: 437.
7. Al-Zuhaili, *op. cit.* , 8: 281; al-Sayyed Sabiq, *op.cit.* , 3: 437.
8. al-Zuhaili, *op. cit.* , 8: 321; al-Haj 'Abd ul-Qadir al-Haj Isma'il, *op.cit.* , h. 216
9. Penerima 'asabah nafsiyyah ialah waris-waris lelaki sebelah bapa yang menerima baki harta pesaka setelah ditolak bahagian-bahagian penerima *al-Fard* (al-Zuhaili, *op. cit.*, 8:28); al-Haj 'Abd al-Qadir al-Haj Isma'il, *op. cit.*, h. 126
10. *Hajb hirman* ialah dindingan daripada menerima pesaka (al-Zuhaili *op. cit.*, 8: 349, 8:321), 'Abd al-Qadir al-Haj Isma'il, *op. cit.* , hal 204 .
11. Mereka yang tidak terkena dindingan ada 6 golongan, iaitu kedua ibu bapa, anak-anak dan suami isteri (al-Zuhaili *op. cit.* , 8:349); al-Haj 'Abdul Qadir al-Haj Isma'il, *op. cit.* , h.198.
12. Al-Zuhaili, *op. cit.*, 8:350; al-Haj 'Abdul Qadir, Isma'il, h. 148.
13. Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, t.t., 6: 166.
14. *Ibid*, h. 184.
15. Ahmad Zaki Tuffahah, *al-Mar'ah wa al-Islam*, Bairut, Dar al-Kitab al-Lubnani, 1979, h. 39.